

## **KAEDAH MEMBAYAR CUKAI TANAH :**

1. BAYARAN SECARA ON-LINE MELALUI:
  - I. INSTANT TRANSFER ATAU IBG KE AKAUN ALLIANCE BANK :  
( No Akaun: 101960010033195 )  
(Sila pastikan nombor geran yang betul diisi pada ruangan rujukan dan satu transaksi untuk satu geran sahaja.
  - II. SabahPay App
    - Muat turun aplikasi Sabah Pay dari Google Play Store atau Apple Apps Store.
    - Buka SabahPay App, masuk ke **Payments** > **Public Sector** > **Jabatan Tanah & Ukur** > **Quit Rent**, kemudian ikut arahan yang dipamerkan.
    - Penyata akan dikemaskini dalam tempoh 3 hari bekerja
2. Membuat pembayaran di Kaunter Cukai di mana-mana Pejabat Tanah Daerah yang berdekatan, Drive-Thru, Ibu Pejabat atau di Kaunter Cukai UTC.

Pembayaran sewa tanah boleh dibuat dalam bentuk:

  - Tunai (Tidak melebihi RM10,000).
  - Cashier Order, Bank Draft, Postal Order dan Money Order. (Nama penerima : Pengarah Tanah dan Ukur (pembayaran di Ibu Pejabat) atau Penolong Pemungut Hasil Tanah (pembayaran dibuat di pejabat Tanah Daerah).

Untuk makluman, sewa tanah tahunan yang dikenakan hendaklah dibayar pada 01hb. Januari setiap tahun. Kegagalan melunaskan tunggakan sewa tanah boleh dikenakan bayaran yuran notis tuntutan sebanyak RM 30.00 dan surc妖 (surcharge) sebanyak 24% dari jumlah tunggakan selepas tamat tempoh notis tuntutan. Tindakan melelong tanah akan diambil sekiranya tuan/puan masih gagal membuat pembayaran.

Sila pastikan anda mendapat resit pembayaran daripada kaunter berkenaan atau mencetak sendiri resit pembayaran melalui laman web Jabatan jika pembayaran dibuat online. (Bayaran yang dibuat selepas 26-10-2021 tidak diambil kira dalam surat ini)